

Pelajar UMS-KAL perlu tumpu kepada pelajaran

UB 08-09-2012 B5

LABUAN: Pelajar baru Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dinasihatkan supaya menumpukan kepada pelajaran yang menjadi agenda utama mereka memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, kerajaan telah memberi ruang dan peluang kepada mereka menimba ilmu dengan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur termasuk kolej kediaman, dewan kuliah dan kemudahan sukan.

Katanya, dalam tempoh tiga tahun akan datang, pelajar seharusnya tidak terbabit dengan kegiatan yang boleh menjejaskan masa depan mereka sendiri kerana yang akan menanggung kerugian ialah mereka sendiri dan keluarga.

“Janganlah menghampakan harapan ibu bapa yang berada jauh di Sabah, Sarawak dan Semenanjung untuk melihat anak mereka berjaya dalam akademik, sahsiah dan kokurikulum,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Pengarah UMS-KAL sempena Majlis Suai Mesra bagi sesi 2012/2013 di Dewan Utama UMS-KAL, kelmarin.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah serta Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan.

Seramai 725 pelajar

baru dari seluruh negara dan antarabangsa bakal mengikuti pengajian di SPKAL dan SSIL selama tiga tahun.

Ismail juga mengingatkan pelajar supaya tidak melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan nama baik negara, universiti dan ibubapa yang mengharapkan anak mereka menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Beliau menambah, kehadiran pelajar baru sudah tentu akan membantu mempromosi UMS-KAL



ISMAIL (dua kiri) bersama dari kiri Ag Asri, Syed Nasirin dan Zamri menyanyikan lagu Bertekad Cemerlang sempena majlis itu. (Gambar atas)



PENSYARAH SPKAL dan SSIL turut menghadiri Majlis Amanat Pengarah UMS-KAL di Dewan Utama, kelmarin. (Gambar kiri)

SEBAHAGIAN pelajar perempuan yang menghadiri majlis itu. (Gambar di bawah)

dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan di kampung halaman.

“Mereka juga membantu menjana ekonomi, industri pelancongan, kraftangan, pengangkutan, perhotelan, restoran dan telekomunikasi tempatan selama berada di UMS Labuan,” katanya.

Ismail juga menyeru supaya pelajar bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti termasuk sukan dan keusahawanan serta program kemasyarakatan yang mampu menaikkan semangat anak tempatan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

